KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN
# PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## RABU, 29 NOVEMBER 2023

## LAPORAN HARIAN

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



29/11/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **ENHANCE CHILDREN'S PROTECTION AGAINST CYBER DANGERS - DR WAN AZIZAH** | |
| | https://www.bernama.com/en/news.php?id=2248905 | BERNAMA.COM |
| | https://www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/11/984078/dr-wan-azizah-enhance-childrens-protection-against-cyber-dangers | NST.COM.MY |
| | https://thesun.my/local/dr-wan-azizah-enhance-children-s-protection-against-cyber-dangers-PI11804946 | THESUN.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1182784/kukuhkan-jaringan-keselamatan-kanak-kanak-dalam-talian-wan-azizah | BHARIAN.COM.MY |
| | https://thesun.my/cerita/dr-wan-azizah-tingkatkan-pemantauan-kanak-kanak-terhadap-bahaya-alam-siber-EI11804617 | THESUN.MY |
| | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2248889 | BERNAMA.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **JUMLAH JENAYAH SIBER MELIBATKAN MANGSA WANITA MEMBIMBANGKAN - FATIMAH** | |
| | https://dayakdaily.com/jumlah-jenayah-siber-melibatkan-mangsa-wanita-membimbangkan-fatimah/ | DAYAKDAILY.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **SARAWAK NEGERI PERTAMA AMAL KETERANGKUMAN DALAM PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sarawak-negeri-pertama-amal-keterangkuman-dalam-pendidikan-awal-kanakkanak-447886 | ASTROAWANI.COM |

29/11/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
| --- | --- | --- |
| 4 | **TEMPAT TRANSIT GELANDANG SELAMATKAN IBU BERSAMA 3 ANAK DARI HUTAN SIBU JAYA - FATIMAH** | |
| | https://dayakdaily.com/tempat-transit-gelandangan-selamatkan-ibu-bersama-3-anak-dari-hutan-sibu-jaya-fatimah/ | DAYAKDAILY.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
| --- | --- | --- |
| 5 | **S'WAK APPROVES RM1.4 MLN ALLOCATION TO STUDY PREPARATIONS FOR AGEING STATE** | |
| | https://www.theborneopost.com/2023/11/28/swak-approves-rm1-4-mln-allocation-to-study-preparations-for-ageing-state/ | THEBORNEOPOST.COM |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/11/28/kerajaan-peruntuk-rm14-juta-bagi-pelaksanaan-gtk-ipakk-tahun-depan-fatimah | UTUSANBORNEO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
| --- | --- | --- |
| 6 | **BANJIR DI KELANTAN KIAN PULIH, JUMLAH MANGSA SEMAKIN BERKURANG** | |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/banjir-di-kelantan-kian-pulih-jumlah-mangsa-semakin-berkurang/ | BULETINTV3.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
| --- | --- | --- |
| 7 | **JKM MELAKA SUDAH BERSEDIA HADAPI MONSUN TIMUR LAUT** | |
| | https://www.melakahariini.my/jkm-melaka-sudah-bersedia-hadapi-monsun-timur-laut/ | MELAKAHARIINI.MY |

29/11/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 9 | **DUN: JKMS SIAP SEDIA HADAPI MUSIM MONSUN TIMUR LAUT** | |
| | https://tvstv.my/2023/11/28/dun-jkms-siap-sedia-hadapi-musim-monsun-timur-laut/ | TVSTV.MY |
| | https://suarasarawak.my/sarawak-peruntuk-dana-sedia-hadapi-sebarang-bencana-alam/ | SUARASARAWAK.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 10 | **PENANG RECORDS 288 DOMESTIC VIOLENCE CASES INVOLVING MEN AND WOMEN** | |
| | https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2023/11/983842/penang-records-288-domestic-violence-cases-involving-men-and-women | NST.COM.MY |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/11/28/husbands-are-also-victims-of-domestic-violence | THESTAR.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/11/28/lelaki-turut-jadi-mangsa-keganasan-rumah-tangga-di-p-pinang/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/sidang-dun-p-pinang-64-lelaki-jadi-mangsa-keganasan-rumah-tangga-tahun-ini/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/636903/edisi/utara/lelaki-juga-mangsa-keganasan-rumah-tangga | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/64-kes-keganasan-rumah-tangga-babitkan-suami-direkodkan-di-pulau-pinang-447829 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2248685 | BERNAMA.COM |
| | https://thesun.my/cerita/berita/64-kes-keganasan-rumah-tangga-babitkan-suami-direkodkan-di-pulau-pinang-LI11802018 | THESUN.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1034909/lelaki-ditampar-antara-kes-keganasan-rumah-tangga-di-pulau-pinang | HMETRO.COM.MY |

29/11/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 11 | **TIADA PERSEFAHAMAN, CURANG, CAMPUR TANGAN MENTUA ANTARA PUNCA UTAMA CERAI** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1182841/tiada-persefahaman-curang-campur-tangan-mentua-antara-punca-utama | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/636982/berita/nasional/tiada-persefahaman-curang-antara-punca-utama-penceraian---lppkn | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/11/28/pasangan-curang-campur-tangan-mentua-punca-utama-perceraian-di-negara-ini/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/suami-isteri-35-hingga-39-tahun-paling-ramai-hadapi-masalah-perkahwinan/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/11/28/pasangan-usia-35-hingga-39-tahun-paling-banyak-hadapi-konflik-rumah-tangga/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1182841/tiada-persefahaman-curang-campur-tangan-mentua-antara-punca-utama | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 12 | **PENDUDUK TERJEJAS BANJIR DI TERANGGANU, KELANTAN BERKURANGAN, SELANGOR KEKAL** | |
| | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/penduduk-terjejas-banjir-di-terangganu-kelantan-berkurangan-selangor-kekal | BERITA.RTM.GOV.MY |
| | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2248645 | BERNAMA.COM |
| | https://thesun.my/cerita/berita/mangsa-banjir-di-terangganu-kelantan-berkurangan-selangor-kekal-DI11801534 | THESUN.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mangsa-banjir-di-terengganu-kelantan-berkurangan-selangor-kekal-447810 | ASTROAWANI.COM |

29/11/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 13 | **533 PASANGAN BAWAH UMUR BERKAHWIN DI KELANTAN SEJAK 2019** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1034865/533-pasangan-bawah-umur-berkahwin-di-kelantan-sejak-2019 | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/11/28/533-pasangan-di-kelantan-kahwin-bawah-umur/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/11/28/533-pasangan-bawah-umur-di-kelantan-berkahwin-dalam-tempoh-empat-tahun/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2248837 | BERNAMA.COM |
| | https://thesun.my/cerita/533-pasangan-bawah-umur-kelantan-direkodkan-berkahwin-sejak-empat-tahun-EI11804088 | THESUN.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/636911/edisi/kelantan/533-pasangan-bawah-umur-nikah-di-kelantan | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://harakahdaily.net/index.php/2023/11/28/533-pasangan-kahwin-bawah-umur-ambil-kira-maslahat/ | HARAKAHDAILY.NET |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/11/28/underage-marriages-533-couples-recorded-in-kelantan-since-2019 | THESTAR.COM.MY |
| | https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2023/11/983856/kelantan-records-533-underage-marriages-2019 | NST.COM.MY |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/11/28/state-assembly-told-533-underage-married-couples-recorded-in-kelantan-since-2019/104700 | MALAYMAIL.COM |

# ENHANCE CHILDREN'S PROTECTION AGAINST CYBER DANGERS - DR WAN AZIZAH




28/11/2023 07:12 PM

KUALA LUMPUR, Nov 28 (Bernama) -- The Prime Minister's wife Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail reminded parents to strengthen protection for their children from the dangers hidden in cyberspace.

Azizah who is also the former Deputy Prime Minister said that in today's cyber age, children will always be exposed to the dangers of the cyber world even if they do not leave the house or do not go out at night.

"Take care of children especially in cyberspace because they are a vulnerable group. Parents have a responsibility and the effort (protecting children in cyberspace) needs to be emphasised and stepped up.

"Now there is less (face-to-face) communication. Everything is virtual. If the child is silent, something may be up and therefore dangerous. There is child grooming and the dark web (in cyberspace)," she told reporters at the Townhall Working Together To Enhance Child Protection event at HELP University here today.

At the event, Dr Wan Azizah also witnessed Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri receiving a memorandum signed by 45 civil organisations including the Chow Kit Foundation to demand better protection of children in cyberspace.

Meanwhile, Nancy in her speech said her office will strengthen cooperation between government agencies, non-governmental organisations, communities and families in identifying, reporting and dealing with cases of child abuse or mistreatment.

"The Ministry of Women, Family and Community Development (KPWKM) is always open to suggestions for new ideas that are in line with current needs and wants because child protection is the responsibility of all levels of society.

"I also urge all parties to cooperate and support the government in the effort to improve child protection services in our country," she said while adding that child protection services have always been one of the main focuses of the government in ensuring the well-being and basic rights of the nation's children.
She said the approach and actions that need to be taken to deal with the problem of child abuse and neglect must be in line with current needs.

The Chow Kit Foundation, in a statement, explained that the aim of the town hall held today is to raise public awareness on the urgent issue of online child abuse by encouraging public discussion.

According to the foundation, the programme is a joint venture of social media influencers, educators, educational institutions and communication companies that can influence behavioural changes in a world that is increasingly interconnected digitally.

-- BERNAMA

# Jumlah jenayah siber melibatkan mangsa wanita membimbangkan — Fatimah

Nov 28, 2023 @ 17:24



*Dato Sri Fatimah Abdullah*

KUCHING, 28 Nov: Jumlah jenayah siber melibatkan wanita semakin membimbangkan, kata Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak Dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah.

Bagi tempoh 2022 sehingga Oktober 2023, katanya, Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, Ibu Pejabat Kontijen Sarawak merekodkan sebanyak 1,391 kes iaitu 52 peratus daripada 2,682 kes jenayah siber adalah mangsa wanita.

"Justeru, Anti-Scam Literacy (ASL) diperkenalkan untuk memberi kesedaran tentang jenayah siber.

"Kursus ini telah diadakan di Bintulu dan Kuching yang dihadiri oleh 402 peserta," kata Fatimah dalam ucapan penggulungan kementerian pada Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) di Kompleks DUN hari ini.

Tambah beliau, kementeriannya melalui Jabatan Wanita Dan Keluarga Sarawak (JWKS) akan terus berkolaborasi dengan rakan-rakan strategik bagi memperkasa kemandirian diri wanita Sarawak.

Katanya, ia termasuk melestarikan keluarga melalui inisiatif-inisiatif keterangkuman inovasi sosial seiring dengan aspirasi PCDS 2030 bagi sektor perkhidmatan sosial. — DayakDaily

# Sarawak negeri pertama amal keterangkuman dalam pendidikan awal kanak-kanak

Bernama
November 28, 2023 20:43 MYT




*Fatimah berkata dalam usaha memupuk nilai keterangkuman itu, institusi pendidikan awal kanak-kanak di negeri ini telah diperkenalkan dengan penggunaan bahasa isyarat. - Gambar Bernama*

**KUCHING:** Sarawak merupakan negeri pertama melaksanakan keterangkuman pendidikan awal kanak-kanak melalui dasar pintu terbuka yang diamalkan kerajaan negeri itu.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-kanak dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak Datuk Seri Fatimah Abdullah berkata dalam usaha memupuk nilai keterangkuman itu, institusi pendidikan awal kanak-kanak di negeri ini telah diperkenalkan dengan penggunaan bahasa isyarat.

Beliau berkata inisiatif itu turut diakui Pensyarah Kanan Universiti Malaysia (UM) Dr Hasnah Toran semasa Konvensyen Antarabangsa Prasekolah Sarawak pada 18 Nov lepas.

"Untuk terus memupuk nilai keterangkuman dan menghormati kepelbagaian keupayaan, SeDidik (pusat pendidikan awal kanak-kanak milik kerajaan Sarawak) telah mengamalkan penggunaan bahasa isyarat dalam menyampaikan lagu Negaraku dan Ibu Pertiwiku di semua taska dan tadikanya.

"Bagi meluaskan lagi penggunaan bahasa isyarat, seDidik juga akan memperkenalkan bahasa isyarat asas untuk komunikasi harian yang bersesuaian dengan umur kanak-kanak," katanya ketika menggulung perbahasan bagi kementerian itu di sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini hari ini.

Fatimah berkata hingga kini, sebanyak 152 pendidik serta pengasuh seDidik atau 93 peratus telah diberikan latihan oleh Persatuan Orang Pekak Malaysia.

"Sehubungan itu, adalah menjadi harapan kerajaan Sarawak agar keterangkuman dari aspek penggunaan dan amalan bahasa isyarat turut diperkenalkan di institusi awal kanak-kanak yang dikenadalikan oleh agensi lain," katanya.

# Tempat Transit Gelandangan selamatkan ibu bersama 3 anak dari hutan Sibu Jaya — Fatimah

Nov 28, 2023 @ 17:00



*Dato Sri Fatimah Abdullah*

Oleh Chris Bishop

KUCHING, 28 Nov: Seramai 97 gelandangan telah diselamat, dipulih dan dikembalikan kepada keluarga melalui Tempat Transit Gelandangan (TTG) Sibu yang beroperasi sejak Februari 2022.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, usaha ini telah menampakkan kesan positif dari segi jumlah gelandangan yang berkurangan di bandar Sibu.

"Terdapat kes seorang ibu dan tiga orang anak yang diselamatkan dari hutan di Sibu Jaya.

"Hasil intervensi dan rujukan oleh pihak TTG Sibu, anak perempuan beliau berusia 12 tahun yang tidak pernah ke sekolah telah memulakan persekolahan di pusat pembelajaran alternatif yang disediakan oleh Pertubuhan Destiny for Children di bandar Sibu," katanya.

Fatimah berkata demikian dalam ucapan penggulungan kementerian pada Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) hari ini.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan bahawa kerja-kerja pengubahsuaian premis untuk TTG Kuching dan Miri akan siap pada Mei 2024, manakala pembinaan TTG yang juga Community Social Support Centre (CSSC) Bintulu pula dijangka siap sepenuhnya pada Mei 2025.

Dalam ucapan yang sama, Fatimah berkata jumlah kes kehamilan dalam kalangan remaja di Sarawak menunjukkan penurunan.

Katanya, pada 2016, jumlah kes yang direkodkan ialah sebanyak 2,481 kes berbanding 1,760 sehingga Oktober 2023.

Menurut beliau, One-Stop Teenage Pregnancy Committee (OSTPC) telah memainkan peranan penting terhadap pengurangan jumlah tersebut.

"Ia hasil pelaksanaan 66 program intervensi sosial seperti kesedaran dan advokasi pendidikan awal seksual di sekolah dan masyarakat sejak 2016," kata Fatimah. — DayakDaily



Zulkifli Hanifah ketika ditemui.

# JKM Melaka sudah bersedia hadapi Monsun Timur Laut

SITI SALEHAH
SELASA, 28 NOVEMBER 2023 @ 11:06

JASIN 27 November – Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Melaka melakukan persediaan untuk berdepan sebarang kemungkinan bencana sepanjang musim Monsun Timur Laut (MTL) dijangka bermula pada bila-bila masa hingga Mac tahun hadapan.

Pengarah JKM negeri Zulkifli Hanifah berkata, selain memastikan pusat pemindahan sementara (PPS) berada dalam keadaan baik, perhatian juga diberikan kepada aspek keperluan mangsa seperti kit dan pek makanan retort sedia untuk diagihkan kepada 5,000 orang.

"Kami JKM sudah bersedia sepenuhnya untuk hadapi MTL ini, malah kalau berlaku banjir 3,000 PPS seluruh Negeri Melaka seperti sekolah dan balai raya mampu menampung sehingga 90,000 orang mangsa.

"Sekiranya banjir berlaku secara berperingkat kita juga bersedia, perancangan berhubung PPS dan keperluan mangsa sudah dibuat," katanya ketika ditemui pada Sabtu.

Menurutnya, tumpuan diberikan di lokasi 'hotspot'seperti di Sungai Rambai dengan menempatkan kemudahan, keperluan dan bekalan makanan di Japerun.

Zulkifli berkata, jika berlaku bencana keperluan berkenaan akan terus dihantar ke PPS atau diagihkan kepada mangsa memerlukan.

"Negeri Melaka juga terletak berhampiran depoh bencana kawasan selatan di Muar, Johor yang mampu menampung sehingga 150,000 mangsa dalam satu masa.

"Persediaan awal ini dibuat bagi memastikan segala bentuk bantuan dapat disalurkan terus kepada mangsa dalam tempoh yang singkat," katanya.

Langgani saluran Telegram kami untuk dapatkan berita-berita yang terkini.



KPWK melalui JKMS bersiap sedia menghadapi musim monsun timur laut.

# DUN: JKMS siap sedia hadapi musim monsun timur laut

By *Ahmad Azlan Shah* #bm, Berita Sarawak November 28, 2023

KUCHING, 28 Nov: Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak (JKMS) bersedia menghadapi musim monsun timur laut, kata menterinya, Dato Sri Fatimah Abdullah.

Beliau berkata, setakat ini sebanyak 653 Pusat Pemindahan Sementara (PPS) telah pun diluluskan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (SDMC) di seluruh Sarawak.

"PPS yang telah diluluskan SDMC boleh menempatkan seramai 162,091 mangsa bencana pada satu-satu masa.

"Terdapat 29 pangkalan hadapan juga telah dilengkapkan dengan stok bekalan makanan kering dan keperluan asas bagi persediaan bantuan segera sekiranya berlaku bencana yang tidak dijangka," katanya dalam ucapan penggulungan bagi kementeriannya di Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak di sini, hari ini.

Fatimah berkata, sebanyak RM53 juta telah diperuntukkan untuk pelbagai bantuan kebajikan termasuk bantuan bencana seperti tertera di dalam Belanjawan 2024.

Selain itu, KPWK juga telah menyediakan fasiliti Tempat Transit Gelandangan (TTG) di mana 97 gelandangan di selamat, di pulih dan dikembalikan kepada keluarga mereka.

"Ini merupakan usaha TTG Sibu semenjak mula beroperasi dari Februari 2022. Usaha ini juga telah menampakkan kesan positif dari segi jumlah gelandangan yang berkurangan di bandar Sibu, kecuali gelandangan yang mengalami gangguan masalah mental," katanya.

Fatimah juga memaklumkan bahawa kerja-kerja pengubahsuaian premis untuk TTG Kuching dan Miri akan siap pada Mei 2024, manakala pembinaan TTG atau Community Social Support Centre (CSSC) Bintulu pula dijangka siap sepenuhnya pada Mei 2025.- TVS

# Tiada persefahaman, curang, campur tangan mentua antara punca utama cerai

November 28, 2023 @ 7:05pm




Gambar hiasan - FOTO AFP

KOTA BHARU: Tiada persefahaman, curang dan campur tangan mentua ialah antara punca utama perceraian dalam kalangan pasangan berusia antara 35 hingga 39 tahun di negara ini.

Pengerusi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Datuk Seri Rohani Abdul Karim, berkata dapatan kajian dijalankan pihaknya setakat ini menunjukkan 56.2 peratus lelaki menyatakan mereka bercerai kerana tiada persefahaman dengan pasangan, diikuti faktor pasangan curang (11.8 peratus) dan campur tangan mentua atau ipar-duai (10 peratus).

"Bagi dapatan daripada golongan wanita pula, tiada persefahaman turut mencatat peratusan tertinggi sebagai punca mereka bercerai, iaitu 38 peratus, diikuti faktor pasangan curang (20.5 peratus) dan pasangan tidak bertanggungjawab (15.2 peratus).

"Selain itu, campur tangan mentua (enam peratus), enggan dimadukan (2.8 peratus), masalah kewangan (4.7 peratus), dan lain-lain punca seperti didera, tiada zuriat serta terbabit kes jenayah (10.4 peratus)," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Sambutan November Bulan Keluarga Kebangsaan Peringkat Kelantan, di sini, hari ini, yang dirasmikan oleh Tengku Temenggong Kelantan, Tengku Tan Sri Mohamad Rizam Tengku Abdul Aziz.

Mengulas lanjut, Rohani berkata, rata-rata pasangan yang berdepan konflik rumah tangga terdiri daripada golongan muda selepas tempoh perkahwinan antara lima hingga 10 tahun.

"Pastinya, pihak kami akan membantu dan memberikan kaunseling terlebih dulu dengan menasihati pasangan terbabit mengikut kesesuaian masalah yang mereka hadapi.

"Memang hasrat kita ialah memastikan pasangan itu mengembalikan kasih sayang bagi mengelak mereka memilih jalan terakhir, iaitu bercerai atau berpisah," katanya. – BERNAMA

# Penduduk terjejas banjir di Terangganu, Kelantan berkurangan, Selangor kekal

Kategori: Nasional - Masa Membaca: 2 mins - Jumlah kunjungan: 89




*FOTO FAIL*

***KUALA LUMPUR, 28 November*** - Situasi banjir di Kelantan dan Terengganu semakin baik.

Di Kelantan, jumlah penduduk terjejas banjir melibatkan jajahan Pasir Mas dan Bachok berkurangan kepada 463 orang daripada 142 keluarga dan ditempatkan di empat PPS, hingga 7.27 pagi ini.

"Sebanyak 246 penduduk daripada 84 keluarga ditempatkan di PPS SK Tok Deh manakala 65 orang daripada 19 keluarga masih kekal berlindung di PPS Kedai Tanjong di jajahan Pasir Mas," menurut portal Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Di jajahan Bachok pula, 67 orang daripada 16 keluarga mendapat perlindungan di PPS SMK Beris Panchor manakala 85 orang daripada 23 keluarga berada di SK Jelawat.

Di Terengganu, banjir semakin pulih apabila hanya 40 penduduk terjejas banjir daripada 10 keluarga masih berada di tiga PPS dengan 25 orang daripada enam keluarga ditempatkan di PPS Sekolah Kebangsaan (SK) Atas Tol di Kuala Nerus.

Di Dungun enam mangsa daripada dua keluarga masih berada di PPS SK Tok Kah manakala di Setiu sembilan mangsa daripada dua keluarga masih berlindung di PPS SK Kampung Rhu Sepuluh.

Manakala di Selangor, portal yang sama melaporkan jumlah penduduk terjejas banjir pagi ini kekal seperti semalam, membabitkan 34 orang daripada 14 keluarga di satu sahaja PPS di daerah Kuala Selangor iaitu SK Sultan Abdul Aziz.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PUSAT SUBFERTILITI PERTAMA NEGARA BANTU TINGKATKAN KADAR PERTUMBUHAN PENDUDUK | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 29 NOV 2023 | M/SURAT : | 07 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Pusat Subfertiliti Pertama Negara bantu tingkatkan kadar pertumbuhan penduduk

## Langkah tepat tangani penurunan kadar kesuburan di Malaysia

**Kuala Lumpur:** Pusat Subfertiliti Negara (PSN) pertama di Malaysia yang bakal dibina di Shah Alam, Selangor pada tahun depan dan dijangka beroperasi pada 2030 akan menyediakan pelbagai kemudahan perkhidmatan kepakaran rawatan kesuburan menyeluruh kepada pasangan yang memerlukan rawatan kesuburan dari seluruh negara.

Pusat itu mengandungi pelbagai komponen perkhidmatan subfertiliti dan mempunyai sektor pentadbiran, kepakaran dan perawatan klinikal serta makmal diagnostik yang menempatkan pelbagai kepakaran dalam memberi perkhidmatan subfertiliti terbaik negara.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata pembinaan pusat yang menyediakan khidmat rawatan kesuburan dan kesejahteraan keluarga secara komprehensif itu membabitkan peruntukan RM171 juta.

Beliau berkata, penubuhan pusat ini seperti diluluskan kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) menyediakan khidmat rawatan kesuburan dan kesejahteraan keluarga yang komprehensif, termasuk berfungsi sebagai pusat koordinasi penyelidikan, teknologi rawatan terkini dan latihan kepakaran di Malaysia.

Katanya, PSN dilihat sebagai tepat pada masanya memandangkan sejak lima dekad lalu, kadar kesuburan penduduk negara mencatatkan penurunan daripada 6.7 orang anak bagi seorang wanita pada 1957 kepada 1.6 orang anak pada 2022, iaitu kadar terendah pernah dicatatkan negara.

"Penurunan kadar kesuburan di negara ini secara tidak langsung mempercepatkan proses Malaysia sebagai negara tua menjelang 2044 apabila 15 peratus daripada keseluruhan penduduk mencecah usia 60 tahun ke atas.



Pusat Subfertiliti Negara bakal dibina di Shah Alam tahun depan sedia pelbagai kemudahan perkhidmatan kepakaran rawatan kesuburan menyeluruh kepada pasangan yang perlukan rawatan.

"Jika kadar kesuburan terus menurun dengan kadar semasa dan tiada intervensi diambil bagi menangani situasi ini, penduduk negara ini dijangka mencapai jumlah maksimum 46 juta orang pada 2071 sebelum mengalami penguncupan penduduk pada tahun berikutnya.

"Seiring dengan penurunan kadar kesuburan, saiz purata isi rumah atau saiz keluarga di negara ini turut mengalami pengurangan, iaitu daripada 4.8 orang pada 1991 kepada empat orang pada 2014.

"Ini secara tidak langsung menggambarkan sumber sokongan sosial keluarga semakin berkurang dan terhad, terutama dalam menunaikan tanggungjawab penjagaan terhadap warga tua," katanya.

### 15 resolusi dihasilkan

Persidangan Kependudukan Kebangsaan 2023 (PERKKS 23) bertemakan Penduduk dan Keluarga Mampan, Membangun Malaysia MADANI yang diadakan di Putrajaya pada 21 dan 22 November lalu turut mengadakan sesi meja bulat mengenai isu kesuburan serta implikasinya terhadap pertumbuhan dan struktur penduduk negara ini.

Hasil persidangan itu, 15 resolusi dihasil yang akan dibentang dalam mesyuarat Jemaah menteri pada waktu terdekat.

Nancy berkata, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) menawarkan perkhidmatan subfertiliti sejak 1979 menerusi tiga klinik mengikut zon iaitu Klinik Subfertiliti Pulau Pinang (Zon Utara), Klinik Subfertiliti Kuala Lumpur (Zon Tengah) dan Klinik Subfertiliti Johor Bahru (Zon Selatan).

Beliau berkata, perkhidmatan subfertiliti seperti kaunseling, ubatan kesuburan dan prosedur khusus seperti *Intrauterine Insemination* (IUI) serta Teknologi Bantuan Konsepsi termasuk *In-Vitro Fertilization* (IVF) dan *Intra-Cytoplasmic Sperm Injection* (ICSI) ditawarkan pada kos berpatutan berbanding fasiliti swasta kepada semua pasangan berkahwin yang layak.

Bagaimanapun, katanya, setakat ini, fasiliti LPPKN ini hanya mampu menawarkan perkhidmatan subfertiliti kepada 6,000 hingga 7,000 orang setahun.

"Menerusi pembinaan PSN yang bakal menjadi pusat sehenti, ia menyediakan perkhidmatan subfertilti lebih komprehensif dan menyeluruh bagi pasangan yang memerlukan rawatan tenaga pakar dalam bidang kesuburan menerusi teknik rawatan terbaru dan moden.

"Perkhidmatan subfertiliti ditawar pada kos kompetitif dan mampu kepada pelanggan, terutama golongan B40 dan M40 mempunyai kekangan menjalankan rawatan kesuburan," katanya.

### Fasiliti lebih moden

Nancy berkata, PSN bakal menyediakan perkhidmatan subfertiliti sekurang-kurangnya tiga kali ganda pelanggan setahun berbanding sekarang memandangkan lebih ramai tenaga pakar dan fasiliti lebih moden disediakan untuk menampung keperluan mereka yang bermasalah kesuburan dalam negara.

Beliau berkata, PSN juga menjadi pusat menyelaras Data Subfertilti Kebangsaan daripada agensi kerajaan dan swasta supaya masalah kesuburan dalam negara lebih terkawal dan dipantau kerajaan.

"Selain menyediakan perkhidmatan subfertiliti, PSN bakal menjadi pusat melatih pengamal perubatan supaya lebih kompeten dalam bidang itu dengan anggaran melahirkan sekurang-kurangnya 10 pakar dalam bidang subfertiliti setiap tahun.

"Ini kerana PSN juga bakal mengumpulkan pakar kesuburan dari seluruh Malaysia, sekali gus menarik perhatian warga asing mendapatkan perkhidmatan subfertitiliti bertaraf dunia pada harga kompetitif, sekali gus menyumbang kepada nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) melalui pelancongan kesihatan," katanya.






Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat komited dalam menyediakan perkhidmatan untuk meningkatkan tahap kesuburan rakyat.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | DITAMPAR, DISINDIR ANTARA 64 KES DITERIMA BABITKAN LELAKI | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 29 NOV 2023 | M/SURAT | : | 21 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

KEGANASAN RUMAH TANGGA DI PULAU PINANG

# Ditampar, disindir antara 64 kes diterima babitkan lelaki

**Georgetown:** Ditampar pasangan, sering disindir hingga menjadi trauma antara 64 kes keganasan rumah tangga membabitkan lelaki di Pulau Pinang.

Negeri itu turut merekodkan sebanyak 224 kes keganasan rumah tangga membabitkan wanita setakat September lalu.

**Exco Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam, Lim Siew Khim** berkata, tahun lalu 345 mangsa wanita dan 105 lelaki tampil membuat aduan dengan kerajaan negeri bersedia menyalur khidmat sokongan tanpa mengira jantina.

"Selain keganasan rumah tangga secara fizikal, mendera emosi secara verbal juga disifat sebagai keganasan. Selain kes lelaki ditampar ada datang mengadu sering disindir (pasangan) sehingga lama kelamaan menjadi trauma.

"Jadi kita akan beri bantuan tidak kira lelaki dan wanita. Pada masa kini lelaki dilihat lebih berani dan tidak lagi malu menyuarakan mereka mangsa keganasan rumah tangga," katanya pada persidangan Dewan Undangan Negeri (Dun) di sini, semalam.




Siew Khim (DAP-Sungai Pinang) berkata demikian bagi menjawab soalan tambahan **Azmi Alang (Bersatu-Telok Air Tawar)** yang ingin mengetahui bagaimana seorang lelaki boleh terbabit dalam keganasan rumah tangga.

Beliau turut menjelaskan, keganasan rumah tangga antara isu sosial sering berlaku dalam kalangan masyarakat dan dianggap pergolakan keluarga yang wajar diselesaikan tanpa campur tangan pihak lain

Terdahulu **Lee Boon Heng (PKR-Kebun Bunga)** menerusi soalan lisan bertanya berhubung statistik kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan di Pulau Pinang dan rancangan pihak berkuasa dan kerajaan negeri dalam menangani isu terbabit.

Siw Khim menjelaskan, kerajaan negeri mempelbagaikan sokongan membantu mangsa keganasan rumah tangga menerusi Dasar Keluarga Selamat Pulau Pinang yang digubal dan dilaksana sejak 2020.

Menurutnya, setakat ini 345 Titik Sokongan Pertama atau dikenali sebagai *first support point* (FSP) dilatih untuk memberi sokongan awal kepada mangsa keganasan rumah tangga oleh Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC).

"FSP ini terdiri daripada jabatan atau agensi kerajaan, Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun), Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan pertubuhan agama.

"Selain itu, pelbagai program dijalankan kepada lebih 1,600 orang dalam meningkatkan kesedaran rakyat negeri ini tentang gejala keganasan rumah tangga dan cara mendapat bantuan," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | LELAKI TIDAK MENGAKU CABUL ANAK SAUDARA | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 29 NOV 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Lelaki tidak mengaku cabul anak saudara

**Muar:** Seorang pekerja tapak semaian dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap anak saudara tiga tahun lalu.

Tertuduh berusia 57 tahun bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas tiga pertuduhan dibacakan dalam bahasa Mandarin di hadapan Hakim Abu Bakar Manat.

Bapa kepada empat anak itu didakwa mencabul anak saudaranya yang ketika itu berusia 11 tahun dalam kejadian di sebuah rumah, pada 2020.

Oleh itu, tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 14 (a) dan (d) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 membawa hukuman penjara sehingga 20 tahun dan juga sebatan, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Danial Munir manakala tertuduh diwakili Melvin Tay.

Terdahulu, pihak pendakwaan memohon mahkamah untuk tidak membenarkan ikat jamin terhadap tertuduh memandangkan kesalahan dilakukannya adalah serius.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM15,000 untuk semua pertuduhan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TACKLING DECLINEIN CHILDBIRTH RATES | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 29 NOV 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

REVERSING WORRISOME TREND

# Tackling decline in childbirth rates

New National Subfertility Centre to improve access to fertility services for B40 and M40 groups

DANIEL AHMAD
**KUALA LUMPUR**
news@nst.com.my

THE National Subfertility Centre (NSC) aims to slow down the decline in the country's Total Fertility Rate (TFR), amid worries about decreasing average childbirth rates in Malaysia.

Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri says the centre aims to provide fertility services to at least three times the current number of people each year.

"The NSC is a project under the ministry, in collaboration with the National Population and Family Development Board (LPPKN).

"With the establishment of the NSC, more couples experiencing fertility issues can access fertility services at competitive prices, indirectly improving the accessibility of fertility treatments in the country.

"The decline in the TFR can be slowed down, ensuring that Malaysia is better prepared to address the challenges of an ageing population."

The TFR, which is the average number of children born to a woman during her reproductive years (ages 15 to 49), has decreased from 4.9 in 1970 to 2.0 in 2013 and further to 1.6 in 2022, which is a concerning trend.

The 2011 study, "Fertility at the Crossroads: Children Now, Later, or Never" by LPPKN found that rising education costs and current family financial conditions significantly influence married couples' decisions on expanding their family size.

> *The decline in the TFR can be slowed down, ensuring that Malaysia is better prepared to address the challenges of an ageing population.*
>
> **DATUK SERI NANCY SHUKRI**
> Women, family and community development minister

For contemporary young parents, the decision to have children entails being ready to shoulder substantial financial responsibility in the coming years.

Additionally, families in the country struggle to realise their full aspirations regarding the desired number of children.
